

10 AUG 2001

Mahathir-Pembinaan

INDUSTRI BINAAN MESTI BERALIH KE PENDEKATAN BARU, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 10 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyeru industri pembinaan supaya mengkaji semula amalan mereka masa kini dan beralih kepada pendekatan yang lebih mengutamakan produktiviti dan berasaskan teknologi.

Beliau berkata untuk menghadapi cabaran pada era globalisasi, sektor pembinaan seharusnya mengubah corak dan kelaziman dalam mengendalikan perniagaan bidang berkenaan.

"Kini wujud keperluan yang sangat tinggi terhadap peningkatan produktiviti dan kualiti untuk memastikan kemampuan bersaing," kata beliau dalam perutusan yang dimuatkan dalam program cendera mata sempena majlis jamuan ulang tahun Persatuan Pemborong-pemborong Binaan Malaysia di sini malam ini.

Dr Mahathir berkata industri binaan hendaklah juga menyokong secara aktif usaha penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan inovasi dalam sektor pembinaan untuk melahirkan idea dan teknologi baru bagi industri itu, katanya.

Dr Mahathir juga berkata dalam semangat Persyarikatan Malaysia dan Perkongsian Pintar, peserta dalam industri pembinaan seharusnya terus bekerja secara rapat dengan kerajaan untuk memastikan pertumbuhan ekonomi yang mampan.

"Saya yakin anggota MBAM akan menerima cabaran untuk menjadi penggerak utama ke arah mencapai kecemerlangan dalam syarikat pembinaan," kata beliau.

-- BERNAMA

NZ NZ NMO